


RANGSANG

BELAJAR MELALUI PEMBELAJARAN MAYA



PENDAHULUAN


Sejak kemunculan teknologi internet pada tahun 1993, corak hidup komuniti di seluruh dunia sudah berubah dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan, ekonomi, politik, sosial, dan sebagainya. Penggunaan internet terus berkembang dari semasa ke semasa yang membolehkan

maklumat disampaikan secara maya dan merentasi sempadan geografi tanpa had. Dunia pendidikan hari ini juga mengalami perubahan yang positif, selari dengan kemajuan teknologi yang dicapai. Penggunaan Internet telah menukar cara pengajaran konvensional kepada cara pengajaran berasaskan jejaring atau pembelajaran maya

(virtual learning). Pengajaran berasaskan jejaring merupakan program pengajaran berasaskan hipermedia yang menggunakan atribut dan sumber Jejaring Sedunia (World Wide Web atau WWW) dan mendokong suasana pembelajaran yang bermakna. Dengan kata lain, pembelajaran maya juga sering dikaitkan dengan istilah atau konsep lain seperti e-pembelajaran, pembelajaran atas talian, pembelajaran jarak jauh, pembelajaran berasaskan laman web, dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu, sistem pendidikan negara turut tidak mahu ketinggalan dalam pendidikan maya. Hal ini demikian kerana ibu bapa dapat mengikuti perkembangan pelajaran anak-anak mereka menerusi konsep maya yang akan diperkenalkan Kementerian Pelajaran di sekolah-sekolah dalam dua tahun lagi, kata Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga Menteri Pelajaran. Konsep itu yang akan dilaksanakan sebagai projek rintis di beberapa sekolah mulai tahun 2012. Antara tujuan lain membolehkan ibu bapa berinteraksi dengan pihak sekolah menerusi persidangan video. Projek rintis itu akan dikenali sebagai "Virtual Learning" atau Pembelajaran Maya. Konsep itu dicontohi daripada konsep yang diamalkan di negara maya seperti Korea Selatan. Ibu bapa boleh mengetahui maklumat lanjut mengenai prestasi pelajaran anak mereka dengan berhubung terus dengan guru-guru menerusi

Pembelajaran maya membolehkan ibu bapa mengetahui maklumat lanjut mengenai prestasi pelajaran anak mereka dengan berhubung terus dengan guru-guru melalui internet




Internet. Berdasarkan maklumat ini, ibu bapa boleh terus mendapatkan nasihat guru berdasarkan capaian prestasi pelajar.

PERKULIAHAN JARAK JAUH

Sebelum ini, pembelajaran maya negara kita lebih terarah kepada pembelajaran secara jarak jauh dan atas talian yang kebanyakannya hanya ditawarkan di peringkat universiti, serta kolej-kolej swasta yang menjalankan usaha sama universiti-universiti luar negara melalui program ijazah sarjana muda dan lepasan ijazah. Antara pusat pengajian tinggi tempatan yang menawarkan pembelajaran secara maya ini ialah Universiti Putra Malaysia melalui Program IDEAL (Institut Pendidikan & Pembelajaran Jarak Jauh). Menerusi usaha sama dengan syarikat tempatan Mahirnet Sdn. Bhd., UPM julung-julung kalinya menawarkan program Bachelor Komunikasi secara maya.

Walaupun yurannya kelihatan agak tinggi berbanding dengan program ijazah saluran biasa, namun jika dibandingkan dengan corak pembelajarannya dianggap berbaloi dengan jadual kuliah yang fleksibel, nota, dan tutorial yang boleh didapati dari Internet, serta perkuliahan secara atas talian. Dengan tidak disedari, kaedah ini dapat menjimatkan kos dan masa terutamanya bagi mereka yang bekerja sepenuh masa, serta tempat tinggal yang jauh dari universiti. Selain itu, universiti maya tunggal tempatan yang menawarkan pembelajaran secara maya sepenuhnya ialah Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR) yang ditubuhkan pada tahun 1997. Dengan kata lain, melalui pembelajaran secara maya ini, tiada lagi jurang masa dan jarak yang menjadi halangan untuk seseorang itu belajar, sekali gus meningkatkan ilmu dalam pelbagai bidang.

Walaupun pembelajaran maya di Malaysia masih lagi baharu berbanding dengan negara-negara Barat, namun perkembangannya kini agak membanggakan dan sangat drastik. Hal ini demikian kerana terdapat organisasi-organisasi besar yang tidak mementingkan komersial, sebaliknya lebih menekankan pada tanggungjawab sosial bagi menyebarkan ilmu pengetahuan terutama dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah. Pembelajaran maya seperti ini tidak hanya mencakupi pembelajaran jarak jauh secara maya malahan melibatkan "Web Portal". Antara kelebihan web portal pendidikan ini termasuk mempunyai bank ujian, pelan pengajaran, butik darjah maya, bahan-bahan pengajaran untuk guru, ujian untuk pelajar, dan direktori laman-laman web yang berkaitan dengan tujuan pembelajaran, serta maklumat yang berguna seperti maklumat sekolah, kalender tahunan, aktiviti pendidikan, dan sebagainya. Antara organisasi yang



melibatkan diri dalam menjayakan penubuhan web portal ini ialah seperti MIMOS Berhad melalui laman webnya, www.cikgu.net.my. Tegasnya, sumbangan web portal terhadap pendidikan negara seperti itu sememangnya tidak disangkal lagi, malah semakin mendapat sambutan hangat sejak dilancarkan sehingga kini.

UJIAN PSIKOMETRIK

Selain itu, pihak Kumpulan Utusan turut menjadi penyedia sistem e-pembelajaran pertama di Malaysia dan di Asia Tenggara yang dapat menyesuaikan keperluan bahan pengajaran dan pembelajaran (p & p) dengan kehendak gaya belajar setiap pelajar. Sistem yang dikenali sebagai Sistem Pengurusan Pembelajaran Pintar Tutor (Tutor iLMS) ini merupakan lanjutan kepada Portal Pendidikan di www.tutor.com.my yang dibangunkan oleh Unit Pendidikan Utusan Malaysia pada 2001. Melalui aplikasi perisian baharu yang dibangunkan secara kerjasama dengan MIMOS Berhad ini, pelajar perlu menjalani ujian psikometrik terlebih dahulu untuk mengetahui tahap kepandaian pelbagai dan cara pembelajaran yang sesuai dengan dirinya. Hasil daripada ujian itu, sistem akan menjana profil pengguna dan memadankannya dengan format bahan p & p yang memepati cara pembelajaran pelajar berkenaan. Perisian Tutor iLMS akan memandu pelajar untuk mengikuti proses pembelajaran secara teratur menggunakan objek pembelajaran yang dipersembahkan mengikut format yang memepati cara pembelajarannya sama ada dalam bentuk teks dan grafik, multimedia, dan realiti maya. Objek pembelajaran disediakan oleh Unit Pendidikan Utusan Malaysia, manakala Majlis Amanah Rakyat (MARA) pula menyediakan isi kandungan yang merangkumi bahan p & p, keusahawanan, kerjaya, serta latihan.

Tutor iLMS dipasarkan di dalam dan luar negara oleh anak syarikat milik penuh Utusan Melayu (M) Berhad, Perfisio Solutions Sdn. Bhd. Tutor iLMS ini dilancarkan secara rasmi oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin di Putrajaya, pada awal Mac 2011. Projek rintis untuk sistem e-pembelajaran yang sesuai digunakan di dalam serta di luar bilik darjah ini dilaksanakan di empat Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan di sebuah Institut Kemahiran Mara (IKM) pada peringkat permulaan. Selain itu, Tutor iLMS dilengkapi dengan sistem pengurusan pemantau iLMS yang bermanfaat kepada murid, ibu bapa, guru-guru, malah hingga ke peringkat jabatan pendidikan negeri dan daerah. Berbeza dengan sistem e-pembelajaran sedia ada, Tutor iLMS lebih pintar kerana menawarkan teknik pembelajaran mengikut kecenderungan